



Original Article

Pemakaian Kaedah-Kaedah Fekah Dalam Institusi Fatwa Di Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2010-2014

Siti Nur Amalina Che Omar^{a*} & Mohd Norhusairi Mat Hussin^a

^a Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

* Corresponding author, email: amalinacheomar@siswa.um.edu.my

ABSTRACT

The aims of this research is to identify and analyze the sources of Islamic law with is the *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah* that have always been used by the Islamic scholar and mujtahids at the time of development of this method, Further study also have been made to determine the application of this legal maxim applies in fatwa particularly in Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. This study was conducted by library research by referring to academic articles, books and *Kitab* that is relevant to this topic. Indirectly, the methods have given the author more understanding about the topic of research. To get more relevant result, field study had been conducted through interviews with the official of Istinbat and Buhuth Units at the mufti office of Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Another method that have been used by the author in conducted this research is through the documentation of original documents such as minutes of meetings, paper works and research papers. The result showed that the application of *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah* in fatwa at fatwa Institution of Wilayah Persekutuan is not widely used, which is due to the issue that have been received by the mufti institution at Wilayah Persekutuan is basically a common question that have been discussed by the Islamic scholar in their books and *Kitab*. Studied have also shown that the application of *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah* tends to be used for matters that do not have *nas* or *dalil* with is involved the topic of *al-darurah*, *al-hajat* and *al-maslahah*.

Keywords: Islamic Legal maxim; *Qawa'id Fiqhiyyah*; fatwa.

Pendahuluan

Institusi fatwa merupakan institusi yang penting dalam sistem pemerintahan sesebuah Negara Islam. Di Malaysia, institusi fatwa sentiasa menjadi tempat rujukan umat Islam dan memainkan peranan yang utama dalam menyelesaikan masalah-masalah hukum yang timbul dari semasa ke semasa. Terdapat pelbagai fatwa yang diputuskan dalam pelbagai cabang dan bidang seperti muamalat, ibadah, aqidah, akhlak sehinggalah ke bidang sains dan teknologi. Fatwa yang dikeluarkan akan berkembang selari dengan perkembangan isu dan permasalahan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Semakin maju sesebuah masyarakat semakin aktif institusi fatwa kerana ia menjadi alat utama dan medium terpenting untuk berhadapan dengan tuntutan keperluan masyarakat. Sehubungan dengan itu, aktiviti fatwa sangat berkait rapat

dengan kegiatan ijtihad oleh mujtahid, bahkan fatwa tidak akan dikemukakan kecuali setelah berlakunya kajian dan penyelidikan.¹

Walaupun bagaimanapun, sumber rujukan sesuatu hukum fatwa tetap tidak akan berubah, ini kerana sumber induk utama perundangan Islam sejak zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini ialah al-Quran dan al-Sunnah.² Selain daripada dua sumber utama ini, rujukan utama juga dibuat terhadap dalil *muttafaq 'alaih* yang lain iaitu *ijma'* dan qiyas. Manakala sumber-sumber lain terdiri daripada dalil *mukhtalaf fihi* adalah seperti *Istihsan*, *masalih mursalah*, *'Urf* dan lain-lain.³ Namun, daripada sumber-sumber utama ini jugalah, muncul pelbagai kajian fiqh yang sangat luas sehingga perlunya satu himpunan prinsip-prinsip kaedah fiqh yang bersifat universal, kaedah ini disebut sebagai kaedah-kaedah fekah atau *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*.⁴

Kaedah-kaedah ini berfungsi sebagai klarifikasi terhadap masalah-masalah *furu'* yang telah dikelompokkan, dan setiap kelompok itu merupakan kumpulan daripada masalah-masalah yang serupa. Dengan berpegang kepada kaedah-kaedah inilah yang membantu para mujtahid mengeluarkan sesuatu keputusan hukum dengan lebih mudah iaitu dengan mengelompokkan satu masalah hukum yang serupa di bawah ruang lingkup satu kaedah sahaja.⁵

Dalam konteks pada masa kini, persoalan-persoalan hukum yang timbul akan dijawab oleh mufti yang bertindak sebagai mujtahid bagi mengeluarkan suatu keputusan hukum yang ditanyakan kepadanya. Manakala, dalam konteks institusi fatwa di Malaysia, selain daripada sumber-sumber utama hukum syarak yang disebutkan diatas, proses pengeluaran fatwa oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa adalah berpandukan kepada pandangan-pandangan mazhab seperti yang terdapat di dalam kitab-kitab muktabar seperti *Mughni al-Muhtaj*, *al-Iqna'* dan sebagainya lagi.⁶ Prinsip-prinsip kaedah fiqh juga ada digunakan sebagai sokongan hujah dalam sesuatu fatwa terutamanya berkaitan masalah hukum yang melibatkan isu *al-darurah*, *al-hajah*, dan *al-maslahah*.⁷ Walaupun bagaimanapun, sejauhmana penggunaan kaedah fekah dalam rujukan sesuatu keputusan fatwa yang dikeluarkan adalah tidak dapat dikenalpasti setakat ini.

Defini, Konsep dan Sejarah Perkembangan Kaedah Fiqh

Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah merupakan satu kaedah yang bersifat umum meliputi sejumlah masalah fiqh yang terdapat di dalamnya, melaluinya juga para mujtahid dapat mengetahui pelbagai hukum yang dikelompokkan dibawahnya. Hukum-hukum fekah mempunyai lapangan yang luas, meliputi berbagai peraturan dalam kehidupan yang menyangkut hubungan manusia dengan Tuhan, dan hubungan manusia dengan sesama manusia. Ilmu *al-qawa'id al-fiqhiyyah* merupakan satu ilmu yang memudahkan bukan sahaja kepada para mujtahid bahkan kepada para penyelidik dan pengkaji hukum untuk memahami permasalahan hukum yang berlaku.

¹ Noor Naemah Abd. Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan Dari Sudut *Pentadbiran Fatwa*", *Jurnal Syariah*, 10:2, (2002), 19-30.

² Abd. Jalil Borham, *Pengantar Perundangan Islam*, (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2002), 41.

³ Mat Saad Abd. Rahman, 'Istinbat: Asas Dan Metodologi', *Persidangan Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN: No 4*, 2007, 25.

⁴ Ade Dedi Rohayana, *Ilmu Qawa'id Fiqhiyyah Kaidah-Kaidah Hukum Islam*, (Jakarta: Gaya Media Pratama, 2008), 3.

⁵ Ibid. 4.

⁶ Ahmad Hidayat Buang (2004), *Penulisan dan Kajian Fatwa*, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Universiti Malaya, 6.

⁷ Mat Saad Abd. Rahman, 'Istinbat: Asas Dan Metodologi', 50.

Penggunaan prinsip ini juga merupakan jalan-jalan hukum yang membuka peluang kepada manusia untuk menggunakan akal yang berpandukan *nas* dalam berijtihad.

i. Defini dan Konsep Kaedah Fiqh

Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah atau dalam bahasa Melayu dipanggil sebagai Kaedah Fekah atau Kaedah Fiqh adalah merupakan satu istilah yang terdiri daripada dua perkataan iaitu *al-qawa'id* dan *al-fiqhiyyah*. Dalam pengertian secara materialnya, ia boleh membawa maksud asas agama.⁸ Perkataan *al-qawa'id* juga digunakan dalam ilmu nahu arab yang merujuk kepada makna *dabit* iaitu suatu hukum yang terpakai kepada semua perkara terperinci dibawahnya. Manakala menurut para fuqaha dahulu, *al-qawa'id* pada istilahnya ialah hukum yang kebanyakannya dipraktikkan ke atas bahagian-bahagiannya atau cabang-cabangnya. Ataupun dalam bahasa arabnya ialah (حكم أغلبي ينطبق على معظم جزئياته).⁹

Menurut al-Ghazali, ilmu *al-fiqh* adalah suatu ilmu syariah (undang-undang Allah) yang bersangkutan paut dengan pengetahuan *furu'* (cabang) agama. Ia juga merupakan suatu ilmu yang menghasilkan peringatan dan perasaan takut kepada Allah.¹⁰ Sementara kalimah *al-fiqh* dari segi istilahnya pula bermaksud suatu ilmu yang berkaitan dengan hukum-hukum syarak yang amali dengan berpandukan kepada dalil-dalil yang terperinci. Dalil-dalil yang terperinci adalah bermaksud dalil daripada empat sumber utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, *al-Ijma'* dan *al-Qiyas*. Pengetahuan berkenaan hukum-hukum syarak ini adalah berdasarkan kepada proses ijtihad.¹¹ Definisi *Al-qawa'id al-fiqhiyyah* menurut Mustafa Ahmad al-Zarqa ialah:

أصول فقهية كلية في نصوص موجزة دستورية تتضمن أحكاما تشريعية عامة في الحوادث التي تدخل تحت موضوعها

Maksudnya : *Al-qawa'id al-fiqhiyyah* adalah usul-usul fekah yang bersifat *kulliyah* dalam bentuk yang ringkas dan berbentuk teks perundangan yang mengandungi prinsip-prinsip umum syariah dalam perkara yang termasuk di bawah tajuknya.¹²

Kaedah ini juga dapat ditafsirkan sebagai satu bentuk pengasingan teori dalam bentuk yang pendek dan ringkas dalam pernyataan yang membayangkan sesuatu maksud atau tujuan dalam perkataan yang mudah dan mencapai objektif atau tujuan syariah itu sendiri.¹³ Selain daripada itu, takrif dan prinsip kaedah ini juga adalah bersamaan dengan legal maksim dalam perundangan konvensional dan sivil.¹⁴ Kaedah *fiqhiyyah* atau *al-qawa'id al-fiqhiyyah* ini bukanlah satu sumber syarak melainkan jika sesuatu kaedah *fiqhiyyah* itu adalah berasal daripada teks al-Quran dan al-Sunnah sendiri. Kaedah *fiqhiyyah* ini dibentuk pada asalnya untuk

⁸ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, 'Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah', 531.

⁹ Ahmad Muhammad Al-Zarqa, *Syarh al-Qawa'id al-fiqhiyyah*, Mustafa Ahmad Al-Zarqa', (Damsyik: Dar al-Qalam, 2001), 33.

¹⁰ Al-Ghazali dan Abu Hamid Muhammad, *Ihya' 'Ulum al-Din*, (Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath, 1999), 52.

¹¹ Mohd Fauzi Hamat, Mohd Sobri Ellias, 'Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah', 534.

¹² Ahmad Muhammad Al-Zarqa, *Syarh al-Qawa'id al-fiqhiyyah*, Mustafa Ahmad Al-Zarqa', 33.

¹³ Mohammad Hashim Kamali, 'Legal Maxims and Other Genres of Literature in Islamic Jurisprudence', 80.

¹⁴ S. Mahmassani, *Falsafah al-Tasyri' fi al-Islam: The Philosophy of Jurisprudence in Islam*, (Translated in English by Farhat J Ziadeh, Kuala Lumpur: The Open Press, 1961), 152.

memudahkan lagi kefahaman terhadap sesuatu *subjek matter* dan ianya tidaklah lazimnya mengikat.¹⁵

Dalam era globalisasi dan teknologi, manusia terpaksa berdepan dengan pelbagai permasalahan hukum-hukum fiqh, dalam masa yang sama pula, gelanggang perbahasan fiqh adalah teramat luas, mencakupi pelbagai aspek perbincangan *furu'*. Sewajarnya diketahui dan disadari di sini bahawa, bukan mudah bagi para fuqaha' untuk menetapkan hukum bagi setiap permasalahan *furu'* yang pelbagai. Maka atas dasar inilah kaedah-kaedah *fiqhiyyah* ini dibentuk dan diaplikasikan kaedah tersebut kepada permasalahan-permasalahan hukum *furu'* yang dikelompokkan dalam satu klasifikasi prinsip hukum berdasarkan kesamaan *'illat* yang ada pada setiap permasalahan hukum tersebut. Dengan ini, urusan para fuqaha' dalam mengeluarkan sesuatu hukum (berfatwa) akan menjadi lebih mudah. Andaikata kaedah-kaedah ini tidak ada, tentulah hukum-hukum *furu'* akan wujud secara berselerakan tanpa dikaitkan dengan satu usul atau kaedah *kuliyah* yang mengarahkannya ke dalam sesuatu klasifikasi prinsip hukum yang tertentu.¹⁶

ii. Sejarah Perkembangan Kaedah Fiqh

Al-qawa'id al- fiqhiyyah ini pada asalnya telah wujud iaitu daripada teks al-quran dan hadith-hadith saheh daripada Rasulullah SAW, kata-kata para sahabat dan *tabii'n* sendiri.¹⁷ Walaubagaimanapun pada ketika itu, ianya masih belum menjadi satu disiplin ilmu seperti mana pada ketika zaman setelah ilmu fiqh dan *usul al-fiqh* menjadi semakin rancak sehinggalah muncul ilmu *al-qawa'id al-fiqhiyyah*. Kaedah-kaedah fiqh ini terbentuk pada abad keempat dan kelima Hijrah berbanding dengan ilmu *usul al-fiqh* yang telah terdahulu digagaskan sebagai suatu disiplin ilmu sejak pada abad kedua Hijrah lagi. Apabila disorot kembali kepada lipatan sejarah perkembangan ilmu ini, secara ringkasnya ia boleh diteliti berdasarkan dua fasa, iaitu fasa pembentukan kaedah-kaedah fiqh dan fasa pembukuan kaedah-kaedah tersebut.¹⁸

Jika dilihat kepada fasa pembentukan kaedah-kaedah tersebut, dapat dinyatakan bahawa pada hakikatnya, pembentukan kaedah-kaedah fiqh ini tidaklah berlaku secara sekaligus dan serentak sepertimana pengkanunan undang-undang. Perkembangannya adalah beransur-ansur setelah zaman berkembangnya fiqh. Ia telah dirumuskan sedikit demi sedikit secara beransur-ansur sehingga akhirnya ia menjadi banyak dan diletakkan di bawah satu disiplin ilmu yang khusus. Rumusan-rumusan kaedah tersebut adalah hasil daripada perbahasan demi perbahasan para fuqaha' besar yang berautoriti dan berkeahlian dalam bidang *takhrij* dan *tarjih* dengan cara mengistinbatkan kaedah-kaedah tersebut berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber syariah, prinsip-prinsip *usul al-fiqh*, *'illat* hukum dan dari pemikiran mereka sendiri.¹⁹

Pada umumnya, para pengkaji sukar untuk menentukan siapakah yang menjadi perintis penyusunan disiplin ilmu ini dan bilakah kaedah-kaedah fiqh ini pertama kali digagaskan.

¹⁵ Mohammad Hashim Kamali, 'Legal Maxims and Other Genres of Literature In Islamic Jurisprudence', 80.

¹⁶ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, 'Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah', 536.

¹⁷ Fawzy Shaban Elgariani, *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah (Islamic Legal Maxims) : Concept, Functions, History, Classifications and Application to Contemporary Medical Issues*, (University of Exeter, Thesis for the degree of Doctor of Philosophy and Islamic Studies, 2012), 121.

¹⁸ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, 'Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah', 537.

¹⁹ Ahmad Muhammad Al-Zarqa, *Syarh al-Qawa'id al-fiqhiyyah*, Mustafa Ahmad Al-Zarqa', 36.

Namun, terdapat keterangan bahawa ia mula diasaskan oleh Shaikh Abu Yusuf Ya'kub b. Ibrahim al-Ansari berdasarkan satu kaedah fiqh yang telah dijumpai dalam kitab karangannya iaitu '*al-kharaj*'. Walaubagaimanapun, Ibn Nujym pula berpendapat bahawa para ulama *Hanafiyah* adalah golongan yang mula-mula berusaha menggagaskan kaedah ini.²⁰

Pada fasa pembukuan pula, *al-qawa'id al-fiqhiyyah* telah dibukukan untuk memastikan kaedah-kaedah tersebut dapat diwarisi sebagai satu khazanah ilmu Islam yang berharga. Ulama terawal yang dikesan mengumpulkan kaedah fiqh dalam pengungkapan yang sistematik dan masyur ialah Abu Tahir al-dabbusi al-hanafi salah seorang ahli fiqh pada abad keempat hijrah. Beliau mengumpulkan kaedah-kaedah yang terpenting menurut mazhab Imam Abu Hanifah dalam tujuh belas kaedah.²¹

Kemudian al-Imam Abu Zaid 'Abd Allah Ibn 'Umar al-Din al-Dabusi al-Hanafi, telah menyusun *Kitab Ta'sis al-Nazar* pada kurun kelima Hijrah. Kitab ini mengandungi sejumlah 86 kaedah *kulliyah* berserta dengan perbincangan terperinci berkenaan kaedah-kaedah tersebut.²² Seterusnya, pada kurun ketujuh Hijrah pula, penulisan ilmu ini telah diteruskan pula oleh al-'Allamah Muhammad b. Ibrahim al-Jarmial-Sahlaki dan al-Imam 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dengan masing-masing karangan mereka berjudul *al-Qawa'id fi Furu' al-Syafi'iyah* dan *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Menjelang abad kelapan Hijrah muncul lagi beberapa penulisan dalam ilmu ini yang mana zaman ini merupakan zaman keemasan dalam proses penulisan dan pembukuan ilmu *al-qawa'id al-fiqhiyyah*. Antara penulisan yang telah dilakukan oleh beberapa orang tokoh ilmuwan pada zaman tersebut seperti :²³

- a) Kitab *al-Asybah wa al-Naza'ir* oleh Ibn al-Wakil al-Shafi'i
- b) Kitab *al-Qawa'id* oleh al-Muqarra al-Maliki
- c) Kitab *al-Majmu' al-Muhadhdhab fi Dabt Qawa'id al-Madhhab* oleh al-'Alla'i al-Syafi'i
- d) Kitab *al-Asybah wa al-Naza'ir* oleh Taj al-Din al-Subki,
- e) Kitab *al-Asybah wa al-Naza'ir* oleh Jamal al-Din al-Isnawi

Perkembangan terpenting dan mutakhir kaedah *fiqhiyyah* ini ialah apabila ianya dimuatkan di dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* yang dihasilkan pada tahun 1286 Hijrah dan mula dikanunkan pada 26 Sya'ban 1992 Hijrah oleh Kerajaan Uthmaniyyah.²⁴ Fasal 2 hingga 100 *Majallah al-Ahkam* ini mengandungi 99 kaedah *fiqhiyyah* yang dimasukkan ke dalam peruntukan tersebut. Hampir keseluruhan kaedah tersebut diambil daripada Kitab *Al-Ashbah Wa-al-Naza'ir* oleh Ibn Nujaym dan beberapa daripada beberapa kitab Hanafi yang lain.²⁵

²⁰ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, 'Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah', 538.

²¹ Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Tesis *Pemakaian Kaedah Hukum Islam Secara Bersepadu Dalam Penentuan Hukum Islam Di Malaysia*, 81.

²² Mohamad Akram Laldin, *A Mini Guide to Shariah and Legal Maxims*, (Kuala Lumpur: Cert Publications, 2009), 100.

²³ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, 'Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah', 540.

²⁴ Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali, *Perbincangan Kaedah-Kaedah Fiqh*, 20.

²⁵ S. Mahmassani, 'Falsafah al-Tasyri' fi al-Islam: The Philosophy of Jurisprudence in Islam', 152.

Perkembangan Amalan Fatwa, Bentuk Dan Amalan Ijtihad Dalam Fatwa

Fatwa memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan undang-undang Islam atau hukum syarak. Dalam mengeluarkan suatu hukum fatwa, suatu penyelidikan terhadap sesuatu isu hendaklah dilaksanakan supaya fatwa yang dikeluarkan adalah bertepatan dengan hukum syarak dan sekaligus meraikan *maslahah* masyarakat.

i. Amalan Fatwa Dan Sejarah Perkembangannya

Pada zaman Rasulullah SAW fatwa ditangani sendiri oleh baginda dengan panduan secara langsung daripada Allah Ta'ala melalui wahyu-Nya iaitu Rasulullah sebagai penyampai wahyu.²⁶ Jadi boleh dikatakan, Rasulullah SAW atas kapasitasnya sebagai penjelas dan penerang hukum merupakan mufti pertama dalam sejarah hukum Islam.²⁷ Di dalam proses mengeluarkan fatwa bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan, kadang-kadang baginda menggunakan pendapatnya sendiri, kadang-kadang menunggu sehingga turunnya wahyu memberikan penjelasan dan kadang-kadang baginda melibatkan sama para sahabat untuk membincangkan persoalan yang dihadapi untuk membuat keputusan fatwa.²⁸

Setelah Rasulullah SAW wafat, urusan mengeluarkan fatwa ditangani oleh para sahabat baginda yang tinggal bertebaran di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Dasar sahabat dalam memberikan fatwa ialah pada perkara yang berlaku sahaja dan tidak membincangkan tentang perkara yang belum berlaku. Para sahabat kebanyakan mengeluarkan fatwa berlandaskan konsep ijtihad mereka. Ini kerana kebanyakan sahabat yang mengeluarkan fatwa merupakan mujtahid yang berkelayakan. Walaubagaimanapun, pada zaman sahabat masih belum wujud jawatan mufti yang khusus dan disandang oleh orang tertentu serta ditempatkan di tempat yang tertentu dengan ganjaran yang tertentu.²⁹

Pada zaman *tabiin* (penghujung abad pertama hingga awal abad keempat hijrah) amalan fatwa terus berlaku. Ia ditangani oleh *tabiin* yang tinggal bertebaran di merata tempat yang telah ditakluki oleh Islam. Fatwa yang dikeluarkan juga adalah berlandaskan ijtihad tanpa terikat dengan mazhab feqah. Percanggahan fatwa pada zaman *tabiin* juga semakin luas kerana suasana tempat yang jauh antara satu sama lain dan tidak adanya *ijma'* antara mereka. Jawatan mufti secara rasmi yang dilantik oleh pemerintah adalah bermula pada awal zaman *tabiin* iaitu pada zaman pemerintahan 'Umar bin 'Abdul 'Aziz yang memerintah dari tahun 96-101 Hijrah.

ii. Perkembangan Amalan Fatwa Di Malaysia

Permasalahan yang berlaku di negara-negara Islam yang lain pada umumnya berlaku juga di Malaysia. Pada peringkat awalnya tiada mufti yang dilantik secara khusus untuk memberi fatwa atau nasihat hukum secara rasmi baik kepada pemerintah mahu pun rakyat. Apa yang ada ialah para ulama yang memainkan peranan berkenaan di samping peranan-peranan keilmuan yang lain, seperti mengajar dan sebagainya. Bagaimanapun, kemudiannya terdapat keperluan untuk melantik para mufti sebagai penjawat awam yang khusus berperanan memberi fatwa atau nasihat hukum kepada pemerintah dan masyarakat umum. Secara umumnya pelantikan-

²⁶ Al-Syeikh Hasan Muhammad al-Mallah, *Al-Fatawa: Nasya'atuha wa Tatawwuruha: Usuluha wa Tadbi'khatuha*, (Beirut: Maktabah al-Asri'ah, 2006), 17.

²⁷ Yusuf al-Qaradawi, *Fatwa antara ketelitian dan Kecerobohan*, (Selangor: Thinker's library, 1999), 13-14.

²⁸ Hasnan Kassin, *Institusi Fatwa di Malaysia*, 46.

²⁹ Ibid, 48.

pelantikan ini berlaku sejak sebelum kedatangan penjajah barat lagi, dan terus berlaku semasa di bawah penjajahan dan seterusnya selepas mencapai kemerdekaan sampailah ke hari ini.³⁰

Dalam pentadbiran Inggeris, kedudukan mufti telah diubah dalam struktur pemerintahan sebagai satu badan yang diberi gaji tetap. Sejak itu bermulalah jawatan mufti diinstitusikan di Malaysia. Dengan kedudukan demikian pegawai-pegawai dan kemudahan-kemudahan di pejabat mufti telah ditambah dari semasa ke semasa sehingga ke hari ini.³¹

Di bawah sistem persekutuan yang diamalkan di Malaysia pada masa kini, urusan fatwa dan hukum Islam terletak di dalam bidangkuasa negeri, kecuali bagi Wilayah-wilayah Persekutuan, ia diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan. Di Negara ini pentadbiran fatwa, diregulasikan di bawah Akta atau Enakmen yang khusus. Pemerintah turut terlibat dalam pengurusan dan penguatkuasaan fatwa. Setiap negeri termasuklah Wilayah Persekutuan mempunyai seorang Mufti yang telah dilantik. Berasaskan kepada undang-undang yang terpakai di Malaysia pada hari ini iaitu Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri.³²

Di Wilayah Persekutuan contohnya, Isu perlantikan, mufti, kuasa mufti, penubuhan Jawatankuasa perundangan hukum syarak serta prosedur-prosedur pengeluaran sesuatu fatwa adalah diperuntukkan pada Bahagian III, Seksyen 32 hingga Seksyen 39 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Malahan di Wilayah Persekutuan menyebut bahawa tiada pernyataan yang dibuat Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan ianya telah diwartakan.³³

iii. Bentuk-Bentuk Fatwa

Yusuf al-Qardawi menyatakan fatwa ialah memberikan penjelasan hukum syarak bagi sesuatu masalah sebagai jawapan kepada sesiapa yang bertanya, baik secara individu mahupun berjemaah.³⁴ Fatwa boleh dikeluarkan dalam 2 bentuk iaitu :³⁵

- i. Fatwa yang semata-mata bersifat sebagai satu penjelasan dan keterangan tentang hukum. Bentuk ini biasanya tidak melibatkan aktiviti ijtihad dan merupakan satu usaha penjelasan hukum yang sedia ada dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah.
- ii. Fatwa yang melibatkan aktiviti ijtihad dan berlaku dalam dua keadaan iaitu fatwa dengan proses *tahqiq al-manat* iaitu dengan mencari persamaan sebab hukum atau illat dalam hukum sedia ada dan yang kedua fatwa terhadap suatu kes yang tiada nas dan hukum asal yang memerlukan curahan kadar ijtihad yang tinggi.

Dalam konteks di Malaysia, bentuk-bentuk fatwa dapat diklasifikasikan kepada beberapa bentuk berikut :³⁶

1. Fatwa yang diwartakan

³⁰ Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, 'Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia', *Jurnal Syariah* 12:3(2004): 87.

³¹ Hasnan Kassan, *Institusi Fatwa di Malaysia*, 14.

³² Haji Abdul Samad Bin Musa, 'Ke Arah Menjadikan Malaysia Sebagai Pusat Fatwa Dunia', Monograf al-Ifta' Siri 1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010, 19.

³³ Seksyen 34 (2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

³⁴ Yusuf al-Qardawi, *Fatwa antara Ketelitian dan Kecerobohan*, 1.

³⁵ Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*, 6.

³⁶ Ahmad Hidayat Buang, *penyediaan dan pengeluaran Fatwa: fatwa di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, 2004), 124.

Fatwa yang diwartakan bermaksud fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau jawatankuasa fatwa setelah mendapat perkenan Sultan atau Raja dan di sesetengah negeri ia mendapat kelulusan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat Undang-Undang negeri dan diwartakan melalui warta kerajaan.

2. Fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa tetapi tidak diwartakan

Bukan semua persoalan yang dibawa kepada Jawatankuasa atau Mufti diwartakan menjadi undang-undang. Hanya fatwa yang dirasakan melibatkan kepentingan umum sahaja akan diwartakan.

3. Soal jawab agama yang berupa jawapan-jawapan lisan atau bertulis secara persendirian yang dijawab langsung kepada pihak-pihak yang bertanya.

Fatwa dalam bentuk 1 dan 2 merupakan fatwa rasmi. Iaitu fatwa tersebut boleh digunakan bagi tujuan-tujuan rasmi seperti dijadikan sebagai bahan bukti di Mahkamah. Fatwa yang diputuskan dalam bentuk ke-3 pula iaitu fatwa secara soal jawab agama dianggap sebagai fatwa tidak rasmi.³⁷

Amalan Ijtihad Dalam Fatwa

Dalam tradisi pengajian Islam, fatwa berkait rapat dengan ijtihad. Oleh kerana itulah, dalam kitab-kitab *Usul al-Fiqh* ia dihuraikan dalam bab *al-Ijtihad* bersama-sama huraian tentang ijtihad sendiri dan *taqlid*. Ijtihad secara mudahnya boleh dihuraikan sebagai melakukan penyelidikan tentang hukum. Ia lebih bersifat kerja-kerja ilmiah dan akademik. Sementara fatwa pula menyatakan hukum yang diijtihadkan itu kepada orang lain bagi menjawab persoalan atau sebagainya.³⁸

Ijtihad di sini bukanlah ijtihad untuk menghasilkan fiqh hukum yang baru hingga mengenetepikan seluruh kandungan fiqh Islam silam yang baik, tetap dan tidak berubah kepada yang serba berubah. Ini adalah suatu yang ekstrem sebagaimana sesetengah pihak yang ingin menggantikan tafsir al-Quran dan sebagainya. Ijtihad dalam konteks fatwa di sini ialah:³⁹

1. Mengulang kaji warisan fiqh Islam yang agung dalam berbagai-bagai aliran serta mazhab di setiap peringkat zaman. Bertujuan untuk memilih Arjah al'aqwal dan mengambil pendapat yang paling jitu untuk merealisasikan Maqasid al-Syariah demi kepentingan 'ummah, berdasarkan situasi sedia ada.
2. Kembali kepada sumber asal atau nas yang sabit serta menggarapkannya berasaskan maqasid 'ammah syariat Islam.
3. Berijtihad dalam beberapa isu semasa dan perkara-perkara baru yang tidak wujud semasa zaman ulama silam. Ini diperlukan untuk mengistinbatkan hukum yang sesuai berasaskan dalil syarak.
4. Menampilkan wawasan dan rumusan-rumusan konsep Islam dalam berbagai-bagai bidang untuk menjadi panduan para perancang serta pentadbir Negara Islam.

³⁷ Ibid, 124.

³⁸ Faizah bt Haji Ismail, 'Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum Dalam Pengeluaran Fatwa', Monograf al-Ifta' Siri 1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010, 20.

³⁹ Abdul Ghani Shamsuddin, 'Ijtihad, Mufti, dan Internet', Persidangan Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1998, 180.

Ijtihad sememangnya mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan fatwa. Biasanya, mufti berijtihad untuk merumuskan sesuatu fatwa. Oleh itu mufti perlu dilantik dari golongan yang layak berijtihad.⁴⁰

Merujuk khusus kepada realiti penggunaan konsep ijtihad di dalam institusi fatwa di Malaysia boleh dikatakan tidak ada langsung elemen ijtihad *insya'i* (bebas) mengikut pandangan peribadi seseorang mufti.⁴¹ Malah, fatwa-fatwa yang dikeluarkan adalah terikat dengan pandangan mazhab Shafi'i secara *Qauli*, yang terpaksa bergantung kebanyakannya kepada kitab Fiqh klasik yang dihasilkan pada zaman era taqlid. Manhaj usuli yang dipakai adalah berasaskan kepada warisan zaman taqlid daripada mazhab Shafi'i. Beberapa kitab fiqh yang bersifat kontemporari turut juga digunakan dalam bentuk yang minimum.⁴² Selain itu, para mufti dalam mengeluarkan sesuatu fatwa kerap kali meniru ataupun merujuk kepada pandangan yang dikeluarkan mufti negeri lain di Malaysia.⁴³

Melihat kepada fatwa-fatwa yang pernah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri memperlihatkan bahawa berlaku perubahan kepada pendekatan fatwa yang diamalkan oleh institusi fatwa sama ada pada sumber rujukan, persembahan fatwa dan penghujahan fatwa. Tanpa menafikan dominasi mazhab Syafie dalam amalan fatwa, pengaplikasian ijtihad *tarjih* merupakan pendekatan yang sering digunakan oleh jawatankuasa fatwa dalam mengeluarkan fatwa. Menurut al-Qardawi ijtihad jenis ini bermaksud memilih salah satu daripada pendapat-pendapat yang ada dalam perbendaharaan fiqh dan dikemukakan sebagai fatwa yang dipilih.⁴⁴ Pendekatan ini sebenarnya bukan merupakan perkara baru kerana ia telah diamalkan oleh para fuqaha' sejak zaman klasik. Oleh itu, semasa pembahagian tingkatan mujtahid dibuat, wujudnya satu tingkatan yang dinamakan sebagai *mujtahid al-tarjih*, atau *ahl al-tarjih* yang merujuk kepada golongan ulama yang mempunyai kemampuan membuat pentarjihan di antara pandangan-pandangan yang ada berasaskan kekuatan dalil dan kesesuaiannya dengan tuntutan realiti semasa.⁴⁵

Bagi isu yang akan menyentuh kepentingan dan kemaslahatan awam apabila berpegang dengan *qawl* muktamad Syafie, fatwa biasanya akan mengambil pendekatan untuk menerima pandangan di luar mazhab Syafie atau sekurang-kurangnya mengambil pandangan yang bukan berasaskan *qawl* muktamad Syafie.⁴⁶ Peruntukan Seksyen 39 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 menyatakan bahawa :⁴⁷

“(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 34, atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 38, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan-pandangan diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafie.

(2) Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab

⁴⁰ Ibid, 180.

⁴¹ Rahimin Affandi Abdul Rahim, 'Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia: Satu Analisis', 200.

⁴² Ahmad Hidayat Buang, *Fatwa di Malaysia*, 106.

⁴³ Ibid, 107.

⁴⁴ Noor Naemah Abd. Rahman, 'Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan mazhab dan Keperluan Tarjih, *Jurnal Fiqh*: No 4, 2007, 90.

⁴⁵ Ibid, 90.

⁴⁶ Noor Naemah Abd Rahman dan Mohd Noor Hashri Junoh, 'Pendekatan Ijtihad Tarjih dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan: Rujukan kepada Fatwa-fatwa 1990an', *Jurnal Syariah* Jilid 11 Bil 2, 2003, 91.

⁴⁷ Bahagian III Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Syafie akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu”

Pendekatan *tarjih* ini juga telah dipilih oleh negeri-negeri lain dalam hal yang bersabit kepentingan ramai. Ini berlaku kerana peruntukan enakmen yang ada telah memberi laluan kepada hal tersebut. Penelitian kepada fatwa-fatwa yang wujud dalam himpunan fatwa negeri mengesahkan hal ini. Dengan mengambil ingatan bahawa dominasi mazhab Syafie masih kekal. Oleh itu, hanya isu-isu yang menyentuh kepentingan awam sahaja fatwa akan dibuat berasaskan pandangan di luar mazhab Syafie sementara yang lain masih kekal dengan pandangan mazhab.⁴⁸

Kaedah Istinbat Hukum Dalam Mengeluarkan Fatwa

Dalam peristilahan ilmu *Usul al-fiqh*, istinbat bermaksud usaha untuk mendapatkan hukum bagi sesuatu kes atau masalah daripada sumber-sumber atau dalil-dalilnya yang muktabar. Sementara *istidlal* pula bermaksud usaha untuk mencari dalil atau sumber hukum bagi sesuatu masalah yang belum diketahui hukumnya. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa kegiatan istinbat tertumpu kepada cara untuk mendapatkan hukum bagi sesuatu masalah daripada sumber-sumbernya yang muktabar.⁴⁹

Manakala kegiatan *istidlal* tertumpu kepada usaha untuk mencari dalil atau sumber hukum bagi sesuatu masalah yang juga belum diketahui hukumnya. Ini bermakna ruang kegiatan *istidlal* adalah lebih luas berbanding istinbat. Ini disebabkan *istidlal* mempunyai dua matlamat atau sasaran, pertama mendapatkan dalil atau sumber hukum bagi sesuatu masalah dan kedua adalah mendapatkan hukum bagi masalah berkenaan yang tiada hukumnya. Matlamat istinbat hanyalah hukum yang dapat diperolehi daripada pelbagai sumber yang sedia ada.⁵⁰

Dalam konteks di Malaysia, setakat ini, belum ada satu garis panduan yang seragam dalam acara istinbat dan *istidlal* yang dibuat oleh Pegawai-pegawai unit Istinbat khususnya di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.⁵¹

Sumber Rujukan Pengeluaran Fatwa

Sekiranya seseorang mufti menerima persoalan hukum syarak yang masih belum jelas hukumnya maka adalah menjadi kewajibannya menyelesaikan masalah tersebut atau menyuruh orang yang bertanyakan soalan tersebut bertanya kepada mufti yang lain. Ini kerana menyelesaikan persoalan yang memerlukan penjelasan hukum itu merupakan fardhu kifayah ke

⁴⁸ Noor Naemah Abd. Rahman, 'Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih', 86.

⁴⁹ Mat Saad Abd. Rahman, '*Istinbat: Asas dan Metodologi*', Persidangan Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN, 24.

⁵⁰ Ibid, 24.

⁵¹ Ibid, 23.

atas para mufti yang mempunyai kelayakan. Sekiranya mufti hendak menyelesaikan masalah tersebut maka dia hendaklah melihat ke dalam al-Kitab terlebih dahulu. Sekiranya terdapat ayat yang menyentuh masalah tersebut, mufti tidak boleh mengamalkan terus zahir ayat melainkan setelah meneliti ada atau tidak *Mukhassis* kepada zahir ayat tersebut. Sekiranya terdapat *mukhassis* maka tidak boleh digunakan zahir ayat. Sebaliknya, jika tidak ada *mukhassis* maka hendaklah ditetapkan hukum berlandaskan zahir ayat.⁵²

Apabila tidak terdapat ayat al-Quran yang boleh dijadikan rujukan maka hendaklah ditinjau zahir hadith-hadith mutawatir dengan syarat tidak ada *mukhassis* kepada zahir hadith mutawatir tersebut. Dalam keadaan yang mana tidak terdapat juga dalil yang boleh menghasilkan hukum setelah melalui peringkat-peringkat diatas maka hendaklah diteliti matlamat dan masalah syariat Islam yang diturunkan oleh Allah kepada manusia serta hendaklah diteliti kepentingan umum yang boleh menjamin kesejahteraan hidup manusia secara individu dan masyarakat. Sekiranya tidak didapati kepentingan umum maka hendaklah dihasilkan hukum secara ijma'. Sekiranya tidak juga didapati maka hendaklah dilakukan qiyas iaitu mencari persamaan hukum di antara masalah yang baru dengan masalah lama yang telah sedia ada hukumnya dengan syarat ada persamaan '*illah*'.⁵³

Disamping sumber-sumber hukum tersebut, penggunaan kaedah-kaedah yang digubal khusus oleh para ulama juga digunakan bagi para mujtahid dan pegawai istinbat dalam kerja-kerja pengistinbatan hukum dari semasa ke semasa. Kaedah-kaedah ini terbahagi kepada dua kaedah iaitu kaedah *usulliyah* dan kaedah *fihiyyah*. Penggunaan kaedah-kaedah ini sering digunakan oleh pegawai istinbat dan kaedah-kaedah ini bermatlamatkan untuk memudahkan tugas pengistinbatan hukum dalam kadar segera.⁵⁴

Pemakaian Kaedah Fekah Dalam Fatwa: Kajian Di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Pemakaian kaedah-kaedah ini khususnya di institusi fatwa di Wilayah Persekutuan sendiri sebenarnya bukanlah sebagai satu sandaran hukum fatwa sepenuhnya, ia hanya berfungsi sebagai menyokong hukum-hukum fatwa yang dikeluarkan sahaja, dan autoriti yang lebih utama adalah diambil dari sumber-sumber utama hukum Islam, manakala dalam konteks pengeluaran hukum fatwa ini juga tumpuan dan keutamaan adalah dengan mengikut aliran mazhab Syafie, antara amalan dan prosedur yang utama untuk diikuti ketika mengeluarkan suatu hukum fatwa ialah metod dan sumber pengeluaran sesuatu hukum dalam fatwa itu perlu mengikut pandangan *qawl* muktamad mazhab Syafie.⁵⁵

Dalam konteks masalah dan isu-isu yang difatwakan dan dikeluarkan di Wilayah Persekutuan, hampir kesemua isu yang dikeluarkan hukumnya tidaklah sampai ke satu tahap melakukan ijtihad, ini kerana kebanyakan hukum-hukum yang dikeluarkan adalah dirujuk sumbernya daripada kitab-kitab fiqh ulama-ulama terdahulu dan penggunaan kaedah-kaedah fiqh juga digunakan dalam hukum-hukum tertentu sahaja.⁵⁶

⁵² Hasnan Kasnan dan Jasri Jamal, 'Fatwa dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menangani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah al-Syariah', *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 7, 2003, 105.

⁵³ Ibid, 105.

⁵⁴ Mat Saad Abd. Rahman, '*Istinbat: Asas dan Metodologi*', 50.

⁵⁵ Temubual dengan Encik Abdul Jamel bin Jaafar, Penolong Mufti Kanan di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 13 Mei 2015.

⁵⁶ Temubual dengan Encik Abdullah Jamel bin Jaafar.

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian terhadap minit-minit mesyuarat dan kertas-kertas cadangan yang telah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, penulis mendapati penggunaan dan pemakaian kaedah-kaedah fiqh di dalam menyelesaikan masalah hukum yang timbul adalah tidak begitu meluas. Kebanyakan alasan fatwa yang dimuatkan dan dibincangkan juga adalah cenderung untuk merujuk terus kepada sumber utama iaitu al-Quran, Hadith, Ijmak dan Qiyas, malah merujuk juga kepada kitab-kitab fiqh dan pandangan imam mazhab. Pemakaian kaedah *fiqhiyyah* hanya digunakan terhadap masalah-masalah tertentu yang mana melibatkan persoalan yang lebih rumit dan perbincangan hukum yang lebih panjang sehingga memakai kaedah *fiqhiyyah* sebagai asas sokongan fatwa tersebut.⁵⁷

Di dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa sesuatu hukum fatwa yang hendak dikeluarkan adalah jika terdapat perintah dari Yang dipertuan Agong untuk mengeluarkan sesuatu hukum atau dengan tindakan dan kehendak daripada mufti sendiri atau, jika terdapat apa-apa permintaan daripada mana-mana pihak melalui surat yang ditujukan kepada Mufti.⁵⁸ Dari segi amalannya pula, kebanyakan hukum fatwa yang dibincangkan di peringkat jawatankuasa adalah daripada persoalan dan permintaan daripada institusi-institusi dan syarikat serta pertubuhan yang dihantar melalui surat dan kertas kerja, terdapat juga hukum fatwa yang dibincangkan dengan permintaan daripada Istana Negara sendiri.⁵⁹

Selain daripada hukum fatwa yang dibincangkan di peringkat jawatankuasa fatwa, terdapat juga fatwa-fatwa atau pandangan-pandangan hukum syarak yang dikeluarkan sendiri oleh Mufti Wilayah Persekutuan iaitu SS Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri di laman *bayyan linnas* dan *irsyad al-fatwa* di dalam sistem online Fatwa Wilayah Persekutuan. Pandangan-pandangan tersebut walaupun tidak diiktiraf sebagai fatwa dari sudut undang-undang kerana tidak diwartakan, ianya tetap merupakan satu fatwa yang dikeluarkan dari segi hukum syarak sendiri. Dan sifat sesuatu fatwa itu sendiri adalah tidak bersifat mengikat pada asalnya kerana maksud fatwa lebih kepada pemberitahuan hukum sahaja.⁶⁰

Hasil dari penelitian dan temubual mendapati bahawa proses pengeluaran hukum fatwa tidak begitu aktif di Wilayah Persekutuan.⁶¹ Kebanyakan keputusan fatwa yang dikeluarkan adalah merangkumi persoalan dari institusi dan orang awam yang bertanyakan hukum dan kelulusan fatwa bagi isu yang hampir sama setiap tahun iaitu kelulusan untuk mengadakan solat jumaat di kawasan tertentu kerana masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh penduduk atau pekerja di kawasan tersebut. Bagi hal tersebut, jawapan dan kelulusan fatwa tidak melibatkan hal pewartaan namun akan dijawab terus kepada pihak yang berkenaan dan dipanjangkan untuk diambil tindakan oleh Jabatan Agama Islam atau Majlis.

⁵⁷ Pemerhatian dokumen, minit-minit mesyuarat dan Kertas-Kertas cadangan Fatwa oleh Jawatankuasa Hukum Syarak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dari 1996-2001, pada 20 Mei 2015.

⁵⁸ Bahagian III, Seksyen 34 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

⁵⁹ Pemerhatian dokumen, minit-minit mesyuarat dan Kertas-Kertas cadangan Fatwa oleh Jawatankuasa Hukum Syarak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dari tahun 1996-2001, pada 20 Mei 2015.

⁶⁰ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika, dan Sejarah*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2008, 7.

⁶¹ Temubual dengan Encik Muhammad Masri Bin Ali, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Unit Istinbat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 20 Mei 2015.

Antara isu yang sama dikeluarkan hampir setiap tahun juga ialah berkenaan penetapan zakat fitrah yang dibayar. Disebabkan tidak banyak fatwa yang diperbincangkan pada peringkat Jawatankuasa, penggunaan dan pemakaian kaedah fiqh juga dilihat tidak begitu meluas dan dipakai kecuali dalam sedikit bab sahaja seperti yang akan dibincangkan seterusnya.

Fatwa-Fatwa Dari Tahun 2000 Hingga 2010:

1. Hukum Menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang (*Surrogate Motherhood*) Untuk Mendapatkan Zuriat ⁶²

Kertas cadangan ini dibentangkan oleh Tuan Haji Razali Sahabudi dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-80, kertas kerja tersebut menghuraikan konsep dan kaedah khidmat ibu tumpang ini secara panjang lebar dan terperinci dari sudut perubatan dan kesannya kepada sosial masyarakat.

Akhir sekali, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah memutuskan bahawa menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah diharamkan oleh Islam walaupun sperma dan ovum adalah diambil daripada suami isteri yang sah kerana ia akan menyebabkan berlakunya kekeliruan nasab anak yang akan dilahirkan. Antara Hujah dan keterangan pengharamannya adalah:

- i. Ketidaktentuan nasab anak yang bakal dilahirkan. Padahal Islam menitikberatkan penjagaan nasab keturunan.
- ii. Menyebabkan keclaruan sistem kekeluargaan dan keturunan. Melalui khidmat ibu tumpang, bayi yang dikandung dan dilahirkan mempunyai hubungan genetik atau tiada langsung hubungan darah dengan ibu tumpangnya kerana telur dan sperma adalah milik orang lain.
- iii. Gesaan untuk menjaga maruah diri. Penggunaan kaedah ini iaitu dengan meletakkan sperma lelaki yang tidak dikenali ke dalam rahim pihak ketiga iaitu seorang wanita yang bertindak sebagai ibu tumpang yang bukan isterinya adalah kaedah yang salah. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Mukminun ayat 5-6 yang bermaksud "*Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, (6) kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak yang mereka miliki, Maka Sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela.*"
Percantuman benih dengan pihak ketiga menyamai zina dan tidak harus untuk memperolehi zuriat dan keturunan dengan dicemari dengan cara yang salah. Terdapat satu Kaedah fiqhiyyah للسائل حكم المقاصد yang Bermaksud, semua *wasilah* dan jalan yang menjadi perantaraan untuk sampai kepada sesuatu tujuan, samalah hukumnya dengan maqasid iaitu perkara yang dituju itu.
- iv. Di beberapa negara Eropah kadar permintaan menggunakan khidmat ibu tumpang semakin meningkat dan dikhuatiri fenomena ini akan menular di negara ini. Yusuf Al-Qardawi juga mengulas isu ini yang kelihatan semakin menular di barat dengan sinis.
- v. Selain daripada kaedah ibu tumpang ini, terdapat juga kaedah perubatan yang menggunakan air sum-sum tulang belakang bagi membantu pasangan suami isteri yang kurang subur, mandul atau gagal memperolehi anak melalui kaedah semula jadi.

⁶² Kertas Kerja Cadangan untuk Pertimbangan Hukum Menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang untuk mendapatkan zuriat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 28 Mei 2015.

- vi. Kaedah-kaedah perubatan yang diperkenalkan oleh Barat ini secara perlahan-lahan telah berjaya mempengaruhi masyarakat bahawa status ibu kepada bayi tidak semestinya disandang oleh wanita yang mengandung dan melahirkan, begitu juga status bapa tidak semestinya lelaki yang menyumbang benih atau menjadi suami kepada wanita yang mengandungkan bayi daripada darah dagingnya.

Hukum larangan dan pengharaman yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia bagi isu ini telah dipanjangkan ke Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan akhirnya telah diwartakan pada 27 Mei 2008.⁶³

Analisis Pemakaian Kaedah Fekah

Penetapan hukum larangan kaedah khidmat ibu tumpang ini telah disokong dengan kaedah fiqh *للمقاصد للوسائل حكم المقاصد* yang bermaksud 'hukum bagi wasilah adalah hukum bagi maksud dan tujuan'. Pemakaian kaedah ini juga menjelaskan bahawa apa sahaja yang diharamkan atau haram menggunakan, haram juga memperolehnya iaitu apa sahaja aktiviti dan amalan yang menjadi perantaraan dikira termasuk dalam haram.⁶⁴

Dalam hal ini, kaedah khidmat ibu tumpang ini dari sudut perubatannya adalah seorang wanita lain yang mengandungkan anak pasangan lain untuk diberikan kepada pasangan tersebut secara kontrak atau perjanjian. Terdapat dua jenis kaedah ibu tumpang yang mana kedua-duanya melibatkan penglibatan pihak ketiga untuk mempersenyawakan atau mengandungkan bayi tersebut sebelum memberikannya kepada pasangan yang berkehendak.⁶⁵

Pada pendapat penulis, pemakaian kaedah fekah ini adalah sangat bertepatan kerana sepertimana yang kita ketahui kaedah khidmat ibu tumpang ini sendiri adalah melibatkan pihak ketiga yang bertindak untuk 'mengandungkan' bayi hasil percantuman sperma dan ovum pasangan lain. Teknik seperti ini jelas adalah bertentangan dengan tujuan syarak untuk memelihara keturunan dan genetik anak dari tercemar. Oleh itu, tujuan untuk memperolehi anak dengan tidak syarie atau tidak menitikberatkan hal keturunan dan genetik bayi malah menyamai perbuatan Zina yang dilarang di dalam Islam oleh itu penggunaan teknik khidmat ibu tumpang ini juga adalah diharamkan.

Selain daripada itu, pada pandangan penulis, kaedah (الضرر يزال) yang bermaksud kemudharatan hendaklah dihilangkan juga sesuai digunapakai dalam menyokong pengharaman kaedah khidmat ibu tumpang ini. Ini disebabkan mudarat yang akan menimpa terhadap anak yang bakal dilahirkan malah kepada pasangan dan ibu yang mengandungkan dari segi nasab, perwarisan dan sebagainya kelak.

2. Kajian Semula Hukum Pelaburan dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputra (ASB) dan seumpamanya⁶⁶

Kertas kerja ini telah dibenteng pada peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan,

⁶³ Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Buku Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2010*, (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana menteri, 2012),. 61.

⁶⁴ Abdul Latif Muda, 'Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh', 441.

⁶⁵ Joe carter, 'Surrogacy', *issue Analysis The Ethic & Religious Liberty Comission*, 2014, 2.

⁶⁶ Ringkasan Kertas Kerja Cadangan dan Penyelidikan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti untuk Kajian Semula Hukum Pelaburan dalam ASN, ASB dan seumpamanya kepada Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. 28 Mei 2015.

hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan *maslahah* umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar, hukum melabur dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. Antara hujah dan asas utama alasan pengeluaran hukum harus tersebut adalah:

- i. Merujuk kepada *masalih dharuriah*, syarak telah menyenaraikan *hifz al-mal* sebagai salah satu *masalih dharuriah* yang mesti diambil perhatian. Soal kekukuhan ekonomi umat adalah merupakan salah satu faktor penting kepada penerusan kemajuan umat Islam. Islam menegah umatnya menjerumuskan diri dalam kemudharatan dan kefakiran yang boleh menggugat kekuatan ummah.
- ii. Setiap hukum yang diputuskan perlu memenuhi tuntutan keadilan, *maslahah* dan menghindar daripada kerosakan dan keruntuhan yang lebih besar. Dalam hal ini, Maybank adalah satu institusi perbankan Islam terbesar di Asia Pasifik. Sekiranya PNB melepaskan pegangan dalam Maybank, ia bukan hanya akan meruntuhkan ekonomi pemegang saham yang majoriti adalah orang Melayu Islam, bahkan ia juga akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi negara dan banyak organisasi berkaitan orang Islam. Begitu juga peluang pekerjaan yang melibatkan 16,531 kakitangan Bumiputera Islam juga akan turut terjejas.⁶⁷
- iii. Situasi yang dikategorikan sebagai *‘umum al-balwa* perlu diambil kira dalam menentukan status syarikat bercampur. Antara kaedah fekah yang menyentuh situasi *‘umum al-balwa* adalah seperti yang berikut:
 - المشقة تجلب التيسير : Kesusahan itu akan mendapat kemudahan
 - الأمر إذا ضاق اتسع : Sesuatu perkara apabila ada kesukaran maka Syarak mengizinkan kelapangan sebagai jalan keluar.
 - ما عمت بليته خفت قضيته : Sesuatu perkara yang berlaku secara meluas (dan sukar dielakkan) Syarak mengizinkan keringanan kepada yang terkena.
- iv. Perubahan hukum kerana perubahan tabii' manusia, faktor masa, tempat dan suasana, perubahan hukum juga berkaitan dengan perubahan akhlak umat. Berdasarkan sejarah perundangan Islam, terdapat banyak hukum yang telah berubah kerana berlaku perubahan masa, tempat dan suasana. Dengan sebab itu perundangan Islam telah menyatakan satu kaedah fekah iaitu لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان yang bermaksud tidak dinafikan perubahan hukum disebabkan perubahan masa.
- v. Jika tidak diambil kira maka akan berlaku kesusahan dan kepayahan dalam masyarakat. Prinsip Al-Hajiyat, keperluan boleh berubah menjadi keperluan yang utama seperti kaedah fiqh (الحاجات تنزل منزلة الضرورة) yang bermaksud al-*hajat* itu mengambil tempat al-*darurah* (apabila cukup syarat). Dan untuk mengelakkan prinsip ini diambil dan digunapakai secara rambang, satu lagi prinsip kaedah fiqh diletakkan sebagai pengukur iaitu (الضرورات تقدر بقدرها) yang bermaksud keadaan sewaktu darurat itu diharuskan menurut kadarnya.

⁶⁷ E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya>, diakses pada 28 Mei 2015

Kertas kerja ini seterusnya telah diterima dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang kemudian telah memanjangkan perkara ini di dalam mesyuarat Jawatankuasa kali ke 72 seterusnya telah bertindak mewartakan fatwa ini pada 10 Julai 2008.⁶⁸

Analisis Pemakaian Kaedah Fekah

Banyak isu yang dibincangkan mengenai hukum ASN dan BSN ini terutamanya berkaitan percampuran elemen halal dengan yang haram di dalam syarikat yang bercampur. Hukum pengharusannya juga adalah bersandarkan kepada dalil-dalil berkaitan kemaslahatan umum dan kemudharatan malahan kesemua kaedah fiqh yang digunakan untuk menyokong hukum tersebut adalah berkaitan dengan aspek kemudharatan dan kepentingan atau *maslahah* dalam masyarakat yang tidak dapat dielakkan daripada berlaku.

Perbincangan mengenai isu ini telah dimasukkan di dalam bab *`umum al-balwa* yang mana Imam al-Suyuti dalam menghuraikan kaedah fikah (المشقة تجلب التيسير), telah memasukkan perkara *`umum al-balwa* dalam perkara yang membolehkan prinsip *'taisir'* iaitu keringanan diaplikasikan. Ini bermakna jika sesuatu perkara dikategorikan sebagai *`umum al-balwa*, Syarak memberikan keringanan supaya tidak menimbulkan kesusahan kepada umat Islam.⁶⁹

Dalam isu syarikat yang bercampur antara halal dan haram, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti mendefinisikan ia sebagai sebuah syarikat yang aktiviti utamanya terdiri daripada aktiviti yang dibenarkan Syariah, namun terdapat juga aktiviti sampingan yang haram tetapi nisbahnya kecil. Dalam mengharuskan syarikat bercampur dimasukkan dalam senarai Sekuriti Yang Diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti memutuskan beberapa kaedah fiqh sebagai sumber sokongan kepada beberapa penghujahan lain seperti *'urf*, *maslahah* dan berasaskan kepada pandangan *fukah*' silam dan semasa.

Antara Kaedah Fiqh yang digunakan ialah (المشقة تجلب التيسير), (الأمر إذا ضاق اتسع) dan (ما عمت) بلبته خفت قضيته. Kaedah-kaedah ini pada dasarnya mengandungi maksud yang hampir sama dan menyokong antara satu sama lain. Dalam isu syarikat bercampur yang aktiviti utamanya halal, penggunaan kaedah ini adalah bertepatan kerana pasaran Modal dan Kewangan Islam yang ada di Malaysia pada hari ini dibangunkan dalam kerangka Sistem Konvensional yang berasaskan riba yang telah menapak kukuh lebih daripada 500 tahun lalu. Sudah semestinya unsur-unsur riba, *gharar*, *ghabn fahish* dan beberapa lagi unsur yang diharamkan oleh Syariah wujud dan tidak dapat dielakkan sepenuhnya. Berasaskan kepada situasi sedia ada, bagi memastikan perkembangan Pasaran Modal Islam Malaysia setanding dengan Pasaran Modal Konvensional yang sedia ada, MPS SS menyifatkannya perkara tersebut sebagai *`umum al-balwa* iaitu situasi yang tidak baik yang meluas yang terkena pada kebanyakan orang yang sukar untuk menghindarkan diri.

Justeru, kaedah-kaedah fiqh tersebut digunakan sebagai pengukuh kepada prinsip *`umum al-balwa* yang membuktikan bahawa Syari'at Islam adalah Syari'at yang bersifat anjal dan mudah yang tidak menyusahkan umatnya dalam kehidupan seharian. Dengan membolehkan kemasukan syarikat bercampur dalam senarai sekuriti Lulus Syariah seterusnya akan dapat

⁶⁸ Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Buku Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2010, (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana menteri, 2012),. 61.

⁶⁹ Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Sekuriti: Kuala Lumpur 2002, 109.

mengembangkan lagi Pasaran Modal Islam dan seterusnya dapat meningkatkan pegangan ekuiti di kalangan bumiputera Islam dan menjana pertumbuhan ekonomi di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Dengan penguasaan ekonomi, umat Islam akan mampu meningkatkan pengamalan Islam di Malaysia.⁷⁰

Selain daripada tiga kaedah fiqh diatas, kaedah (الحاجات تنزل منزلة الضرورة) juga turut dipakai dalam menyokong hukum keharusan pelaburan di dalam ASN dan BSN ini. Pemakaian kaedah ini adalah bermaksud kemudahan yang dibenarkan tidak terbatas kepada perkara *darurat* sahaja bahkan dibolehkan disebabkan adanya *hajat* dan keperluan,⁷¹ didalam isu ini keperluan terhadap ASN dan BSN ini adalah sesuatu yang mustahak dengan mengambilkira ekonomi umat Islam dan sebagainya. Selain itu, prinsip kaedah (الضرورات تقدر بقدرها) yang bermaksud keadaan sewaktu darurat itu dibenarkan menurut kadarnya sahaja juga digunakan sebagai pengukur kepada sejauhmana keluasan dan keringanan terhadap perkara *darurat* itu dibenarkan. Pada pandangan penulis, pemakaian kaedah-kaedah ini yang bertindak menyokong dalil-dalil pengharusan selain meletakkan satu kaedah lain sebagai kayu ukur setakat mana kemudahan yang dibenarkan adalah sesuatu sikap berhati-hati dan perlu diteruskan.

Pada pandangan penulis juga, pemakaian kaedah (الأمر إذا ضاق اتسع) yang digunapakai bersama dua kaedah yang lain seperti yang dinyatakan dalam perbincangan diatas adalah bertepatan namun walaubagaimanapun pemakaian kaedah ini juga perlulah dipakai bersama dengan kaedah (إذا اتسع الأمر ضاق) yang bermaksud apabila sesuatu itu luas, hukumnya akan menjadi sempit, kaedah ini merupakan batasan dalam mengambil *rukhsah* atau menggunakan kemudahan dalam keadaan *darurat*, ukurannya hanyalah untuk menyelamatkan diri daripada bahaya dan tidak lebih daripada itu.⁷² Dalam isu ini, pembaikan terhadap ASN dan BSN perlulah sentiasa ditambahbaik dengan menghilangkan unsur-unsur haram didalamnya sedikit demi sedikit sehinggalah kesemua unsur di dalamnya menepati kehendak syarak sepenuhnya kelak. Keringanan yang diberi syarak tidak boleh terus digunakan sewenang-wenangnya tanpa usaha menghilangkan unsur *darurat* yang berlaku.

Kaedah yang terakhir digunakan adalah kaedah (لا يترك تغير الأحكام بتغير الأزمان) yang bermaksud tidak dinafikan perubahan hukum disebabkan perubahan masa yang berlaku. Pada pandangan penulis kaedah fiqh ini tidak begitu kuat dan kukuh untuk mengharuskan percampuran elemen haram dan halal dalam syarikat tersebut. Ini kerana walaubagaimanapun perubahan zaman dan masa, sesuatu yang diharamkan secara *qat'ie* seperti riba adalah tidak sewenang-wenangnya diijtihad sebaliknya melainkan jika benar-benar berlaku satu keadaan *darurat* yang sememangnya tidak dapat dielakkan seperti perbincangan diatas. Oleh itu, pemakaian kaedah-kaedah di dalam konsep *umum al-balwa* adalah lebih bertepatan untuk membincangkan mengenai isu ini.

Fatwa-Fatwa Tahun 2011:

1. Cadangan Penetapan Kadar Zakat Fitrah di Wilayah Persekutuan bagi tahun 2011.⁷³

Penetapan kadar zakat fitrah di Wilayah Persekutuan dibuat hampir setiap tahun dengan melihat kepada nilai semasa. Amalan lazim masyarakat di Malaysia ialah membayar zakat

⁷⁰ Muhammad Yusri bin Yusof, *Aplikasi Usul dan Kaedah Fiqh dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia*, Disertasi Sarjana, UKM: Bangi, (2006), 138.

⁷¹ Abdul Latif Muda, 'Perbincangan Kaedah-Kaedah Fiqh', 165.

⁷² Abdul Latif Muda, 'Perbincangan Kaedah-Kaedah Fiqh', 161.

⁷³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke 78, 10 Mac 2011.

fitrah dengan nilai wang berdasarkan harga semasa makanan iaitu beras di pasaran. Amalan lazim ini menepati satu kaedah fiqh (العادة محكمة). Mengikut ketetapan Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, harga pasaran semasa beras di Malaysia adalah berbeza mengikut sesebuah negeri. Justeru itu, kadar zakat fitrah juga adalah berbeza mengikut negeri masing-masing oleh itu, perlunya penetapan penilaian kadar beras zakat fitrah mengikut pasaran semasa, memandangkan harga beras di pasaran sentiasa berubah.

Setelah meneliti harga pasaran runcit dan sebagainya, mensyuarat akhirnya mengambil keputusan bersetuju menetapkan kadar zakat fitrah bagi umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM7 seorang.

Analisis Pemakaian Kaedah Fekah

Pemakaian kaedah (العادة محكمة) iaitu adat sebagai sumber hukum, 'urf atau adat di setiap negeri di Malaysia adalah berbeza, oleh itu terdapat sesetengah fatwa yang hanya ada di sesetengah negeri manakala di negeri yang lain pula timbul hukum lain. Mufti atau Jawatankuasa Fatwa akan melihat dan merujuk juga kepada fenomena adat tempatan sama ada bercanggah dengan ajaran Islam dan sebagainya.⁷⁴

Pemakaian kaedah ini juga diaplikasikan terhadap keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan adalah tidak mengikat, oleh itu tidak semua fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan diterima untuk diwartakan oleh negeri,⁷⁵ keputusan untuk mewartakan adalah bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Hukum Syarak negeri yang akan melihat keperluan, kepentingan, suasana semasa dan adat setempat untuk menentukan sama ada fatwa tersebut sesuai diwartakan atau tidak di negeri tersebut.⁷⁶

Selain itu, penggunaan kaedah dipakai dalam penentuan kadar zakat fitrah di Wilayah Persekutuan, di mana menurut adat setempat masa kini, pembayaran zakat fitrah adalah dengan menggunakan wang berdasarkan harga semasa makanan asasi iaitu beras di pasaran, penetapan kadar zakat fitrah di negeri-negeri di Malaysia juga bergantung kepada harga runcit beras yang dijual di tempat masing-masing,⁷⁷ dengan menggunapakai kaedah ini jugalah yang menyebabkan kadar zakat fitrah di negeri-negeri di Malaysia adalah berbeza, kerana adat, suasana dan 'urf yang berbeza di semua negeri di Malaysia.

Selain itu, pemakaian kaedah ini penting dan perlu diberi perhatian supaya fatwa yang dikeluarkan dapat diterima dan dihayati oleh masyarakat umumnya, banyak fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan pada tahun 1970-an hingga 1990-an adalah berpandukan adat dan 'urf masyarakat contohnya seperti fatwa harta sepencarian yang mana pembahagiannya adalah mengikut keadaan,⁷⁸ fatwa harus mengadakan kenduri arwah,⁷⁹ fatwa mengenai wang hantaran kahwin⁸⁰ dan sebagainya lagi. Sikap mengeluarkan fatwa dengan meraikan dan berpandukan

⁷⁴ Ahmad Hidayat Buang, *Fatwa di Malaysia*, 222.

⁷⁵ Arik Sanusi Bin Yeop Johari, 'Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan', *Monograf al-Ifta' Siri 1*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010, 87.

⁷⁶ Temubual dengan Encik Abdul Jamel bin Jaafar.

⁷⁷ Abdul Hadi Awang, 'Analisis Tren Penetapan Kadar Zakat Fitrah: Kajian di Malaysia', *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 3-4 Disember (2014), 1.

⁷⁸ Ahmad Hidayat Buang, *Fatwa di Malaysia*, 208.

⁷⁹ Ibid, 211.

⁸⁰ Ibid, 221.

adat atau 'urf masyarakat ini perlu diteruskan selagi mana ia tidak melanggar hukum-hukum syarak oleh institusi-institusi fatwa pada masa kini.

2. Pengharaman Pengantungan Ayat Suci Al-Quran Di Premis Bukan Islam⁸¹

Kertas kerja ini telahpun dibentangkan dan dikeluarkan hukum mengenainya oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 2008, namun walaubagaimanapun, kertas kerja ini baru sahaja dibentangkan di Peringkat Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada 2011. Walaubagaimanapun, fatwa ini tidak diwartakan oleh Wilayah Persekutuan.

Mesyuarat telah membincang kertas kerja tersebut dan mengambil keputusan seperti berikut:⁸²

- i. Bagi menjaga kehormatan dan kemuliaan ayat-ayat suci Al-Quran dan kalimah-kalimah suci agama Islam, perbuatan menggantung apa jua ayat-ayat suci Al-Quran atau kalimah-kalimah suci agama Islam di premis-premis bukan Islam atau mana-mana tempat yang boleh mendedahkan kepada penghinaan, penipuan atau penyalahgunaan adalah dilarang oleh Islam.
- ii. Penjualan dan penyimpanan kitab suci Al-Quran di kedai-kedai dimiliki oleh orang bukan Islam adalah juga dilarang oleh Islam kerana boleh membawa kepada penghinaan ke atas kehormatan dan kesucian kitab tersebut.

Hujah dan keterangan bagi asas larangan yang dibuat ialah:

- a. Sebagai *Sad az-Zarai'* bagi mengelak berlakunya penghinaan terhadap ayat suci al-quran.
- b. Kaedah (الحكم يدور مع العلة وجودا وعدما), bermaksud Hukum itu berkisar bersama illatnya atau sebabnya. Apabila orang bukan Islam menggunakan kalimah-kalimah suci Islam untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh syarak maka ia dianggap menghina. Apatah lagi menggunakan dengan tujuan penipuan seperti di restoran-restoran yang kononya restoran tersebut adalah halal dan sebagainya.
- c. Menghina al-Quran itu adalah haram, jadi segala perkara yang membawa dan dianggap sebagai penghinaan adalah diharamkan juga. (ما أدى الى حرام فهو حرام).

Analisis Pemakaian Kaedah Fekah

Fatwa larangan pengantungan ayat suci Al-quran di premis bukan Islam adalah dengan menggunakan hujah *Sad az-Zarai'* iaitu demi untuk menyekat jalan-jalan yang akan membawa keburukan dan kerosakan, ia dikukuhkan lagi dengan penggunaan dua kaedah fiqh iaitu (الحكم) yang bermaksud hukum itu berkisar bersama 'illahnya atau *sebabnya* dan kaedah (ما أدى الى حرام فهو حرام) yang bermaksud apa yang membawa kepada haram maka hukumnya adalah haram.

⁸¹ Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke -80, 15 Disember 2011.

⁸² E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pengharaman-penggantungan-penjualan-pengedaran-serta-penyimpanan-kitab-suci-al-qu, diakses pada 28 Mei 2015>

Penggunaan kedua-dua kaedah ini adalah bertepatan untuk mencapai maksud menyekat jalan-jalan keburukan yang akan berlaku. Di dalam hal ini, tujuan orang bukan Islam menggunakan kalimah-kalimah suci Islam dengan mengantungkan di kedai-kedai dan premis-premis mereka sendiri adalah diragui dan setengah daripada mereka menggunakan ayat-ayat suci tersebut untuk menipu dan memanipulasi masyarakat tentang status premis mereka adalah sesuatu yang berbentuk penipuan, dengan menggunakan ayat suci Islam untuk tujuan penipuan sendiri menunjukkan bahawa mereka tidak menghormati malah memperalatkan ayat suci tersebut untuk mengelirukan umat Islam adalah tidak satu penghinaan terhadap al-Quran dan umat Islam. Oleh itu, pemakaian kaedah ini adalah bertepatan dengan maksud yang ingin dicapai oleh fatwa ini iaitu untuk menyekat bentuk-bentuk kerosakan yang berlaku.

Fatwa Tahun 2012:

1. Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah⁸³

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-81 pada 19 April 2012 telah membincangkan dan memutuskan untuk mengesahkan dan menyenaraikan ciri-ciri ajaran sesat yang merupakan amalan, upacara dan adat istiadat yang bertentangan dengan akidah *Ahli Sunnah Wal-Jamaah*. Ia adalah sesat dan menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar serta haram dilakukan.

Terdapat pelbagai amalan salah yang menyeleweng daripada ajaran *ahli sunnah wal jamaah* disenaraikan dari segi akidah, syariah dan akhlak, antaranya ialah mengaku diri sebagai Tuhan, mendakwa Allah sebat di dalam diri, mendakwa diri imam Mahdi, mendakwa solat boleh dilakukan dengan niat sahaja, fardhu haji boleh ditunaikan selain di Mekah, menghalalkan kawin *muta'ah*, mendakwa pulangan ganjaran yang lumayan dengan pemberian duit dan sebagainya lagi.⁸⁴

Antara ulasan yang dimuatkan di dalam kertas cadangan tersebut ialah mengenai pengamalan golongan-golongan ini yang bertindak memungut pelbagai jenis sedekah dan derma untuk tujuan peribadi. Pengurusan sedekah itu sendiri adalah tidak mengikut seperti yang dianjurkan oleh Syarak. Ini seterusnya akan membawa kepada penyelewengan terhadap amanah agama. Sekiranya sedekah itu hendak diambil ia mestilah dengan tujuan yang selaras dengan syarak. Berlainan dengan amalan golongan ini yang nyata melakukannya berlawanan dengan landasan syarak.

Hukum dalam agama Islam sendiri jelas bahawa haram mengambil harta orang lain tanpa kebenaran. Ini dijelaskan menerusi satu kaedah fiqh (لا يجوز لأحد يأخذ مال أحد بلا سبب شرعي) yang bermaksud tidak dibolehkan seseorang mengambil harta seseorang yang lain tanpa sebab Syarak. Antara penyelewengan yang ketara ialah setiap ahli dalam ajaran ini diwajibkan mengumpul dana untuk kemajuan dan operasi gerakan membina negara Islam dengan apa cara sekalipun sama ada menipu, mencuri dan sebagainya. Oleh itu, Mana-mana individu atau kumpulan yang mengamalkan mana-mana ciri-ciri (pegangan, fahaman dan amalan) tersebut diatas adalah sesat dan boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa agama.

⁸³ Kertas Cadangan Fatwa untuk Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke 81 oleh bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Wilayah persekutuan, 24 Februari 2012.

⁸⁴ E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/ciri-ciri-ajaran-sesat-yang-menyalahi-pegangan-ahli-sunnah-wal-jamaah-0>, diakses pada 28 Mei 2015

Akhir sekali, mensyuarat Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan telah bersetuju supaya Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan melibatkan sekali agensi-agensi lain seperti Bahagian Pendakwaan dan Penasihat Undang-Undang dalam proses menyediakan draf sighthah warta supaya lebih sempurna dan lengkap dari semua aspek agar dapat mengikat semua umat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Fatwa ini walaubagaimanapun masih belum diwartakan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Analisis Pemakaian Kaedah Fekah

Penggunaan kaedah fiqh (لا يجوز لأحد يأخذ مال أحد بلا سبب شرعي) adalah lebih meluas digunakan dalam bab muamalat dan ekonomi Islam. Bab mengambil barang atau harta tanpa izin ini juga ada diperuntukkan di dalam *Majallah Ahkam Al-'Adliyyah* dalam bab kelapan fasal 890 iaitu berkaitan rampasan dan rosakan.⁸⁵ Kaedah ini menjelaskan seseorang tidak boleh mengambil hak atau harta orang lain dengan cara yang tidak sah di sisi syarak seperti menipu, merampas, mencuri, merompak dan sebagainya.

Pemakaian kaedah لا يجوز لأحد يأخذ مال أحد بلا سبب شرعي dalam fatwa mengenai isu ini adalah dalam menyenaraikan ciri-ciri ajaran sesat yang menyalahi pegangan ahli sunnah wal jamaah, iaitu dari sudut tindakan kumpulan atau ajaran yang mengutip dan mengambil harta secara sewenang-wenangnya dengan menghalalkan pelbagai cara termasuk menipu, mencuri dan merompak asalkan dana dapat dikumpul untuk kemajuan dan operasi gerakan tersebut. Cara-cara tersebut ternyata bersalahan dengan syarak dan Islam melarang mengambil harta dan hak orang lain secara sesuka hati tambahan lagi untuk kepentingan peribadi dan untuk meneruskan ajaran salah yang dilarang dalam Islam.

Fatwa Tahun 2013:

1. Kedudukan Hizbur Tahrir Dari Aspek Akidah⁸⁶

Kertas Hizbur Tahrir Malaysia dan Implikasinya terhadap keselamatan Negara telah dibentangkan oleh wakil Polis Di Raja Malaysia (PDRM) di dalam Mensyuarat Panel Kajian Akidah Kali Ke 35 pada 19 Jun 2007 bertempat dibilik mensyuarat utama, Institusi Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Antara doktrin utama kumpulan ini ialah tidak mengiktiraf Negara Islam sedia ada serta mempunyai unsur-unsur yang boleh membawa kearah militan atau keganasan. Antara doktrin-doktrin Hizbur Tahrir yang meragukan:

- i. Pemerintah, ahli Parlimen dan Para Ulama' Islam kesemuanya kafir serta harus diperangi kerana menerima sistem kufur.
- ii. Negara-negara Islam semuanya Negara kafir kerana berhukum dengan sistem kafir dan haram menyertai sistem kerajaan sekarang.
- iii. Nabi dan rasul tidak maksum sebelum diangkat menjadi nabi atau Rasul.

Oleh itu, Panel Kajian Akidah telah membuat keputusan bahawa Hizbur Tahrir harus disekat berasaskan kaedah *sad az-zarai* (menyekat jalan-jalan yang menimbulkan kerosakan) dan Kaedah درء المفسد مقدم الا جلب المصالح yang bermaksud menyekat kerosakan lebih utama daripada membawa kebaikan, ini kerana pemikiran ekstrem yang dipegang oleh Hizbur Tahrir tentang

⁸⁵ Majallah Al-Ahkam Al-'Adliyyah: *Undang-Undang Sivil Islam*, (diterjemah oleh Md. Akhir Haji Yaakob, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 285.

⁸⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke 83-88, 27 Februari 2013.

konsep Khilafiah boleh membawa implikasi kepada keharmonian aqidah dan keselamatan Negara.

Mesyuarat Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan telah bersetuju dengan keputusan mesyuarat Panel Akidah (PKA). Setelah dipanjangkan ke Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan, Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan telah membuat keputusan bahawa Hizbur Tahrir adalah sesat kerana bercanggah dengan ijma' ulama.

Analisis Pemakaian Kaedah Fekah

Fatwa pengharaman Hizbur Tahrir di Malaysia adalah dibuat dengan melihat dari sudut kemudharatan yang akan terjadi jika dibiarkan gerakan Hizbur Tahrir dibiarkan diamalkan di negara ini. Kaedah yang digunakan untuk mengharamkan Hizbur Tahrir ini adalah kaedah fiqh (درء المفاسد مقدم الا جلب المصالح) yang bermaksud menyekat kerosakan adalah lebih utama daripada mendapat kebaikan.

Kaedah ini pada asasnya membawa maksud apabila bertembung di antara perkara yang membawa kemaslahatan dengan perkara yang membawa kerosakan atau bahaya, perlaksanaannya hendaklah diarahkan kepada mencegah kemudharatan yang berlaku.⁸⁷ Pada pandangan penulis, tindakan Muzakarah Fatwa mengharamkan gerakan Hizbur Tahrir dengan menggunakan kaedah ini adalah wajar, ini kerana walaupun matlamat gerakan Hizbur Tahrir adalah baik iaitu untuk menegakkan sistem khilafah Islam namun jika dilihat kepada kemudharatan yang akan berlaku dimana melibatkan keselamatan orang awam dan negara khususnya maka adalah lebih utama dihalang dan dicegah kemudharatan itu dari berlaku. Tambahan lagi, suasana masyarakat dan umat Islam di Malaysia mungkin akan mengakibatkan lahirnya pemberontak-pemberontak dikalangan anak muda yang terlalu taksib dengan perjuangan jihad dan sebagainya sehingga melupakan perkara-perkara lain yang turut diutamakan di dalam Islam.

Fatwa Tahun 2014:

1. Isu Khas : Penjelasan Hukum Terhadap Mangsa MH370⁸⁸

Muzakarah berpandangan bahawa dalam kes pesawat MH370 yang berakhir dalam lautan yang amat luas dan dalam, mayat-mayat dan bangkai pesawat menghadapi kesukaran untuk ditemui, dan pandangan pakar mengatakan bahawa survival manusia untuk hidup adalah tipis, maka kes ini bolehlah dikategorikan sebagai *mafqud* yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya dia dianggap telah terkorban.

Muzakarah juga menjelaskan bahawa mengenai kadar tempoh *mafqud* sebelum diputuskan status kematiannya, tidak terdapat nas yang jelas daripada dalil-dalil Quran dan Sunnah berkenaan penetapan tempoh-tempoh tertentu secara tetap. Kebanyakan pendapat yang dinukilkan adalah bersumberkan kepada pendapat-pendapat para sahabat dan pendapat-pendapat tersebut bukan dalam bentuk kesepakatan yang boleh dinilai sebagai hujah ijma', kerana wujud perselisihan dalam kalangan sahabat dan tabi'en. Namun keperluan kepada tempoh pencarian bagi *mafqud* adalah disepakati oleh para ulama'.

⁸⁷ Abdul Latif Muda, 'Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh', 187.

⁸⁸ E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-mh370> diakses pada 28 Mei 2015.

Muzakarah juga berpendapat bahawa perbezaan yang ketara dari segi uruf dan masa perlu diambilkira dalam penentuan tempoh *mafqud* ini kerana ia memberi kesan dalam pengsabitan hukum-hakam seterusnya.

Dalam hal ini, Muzakarah memutuskan bahawa dalam tragedi MH370 ini, keperluan menetapkan tempoh *mafqud* adalah terletak kepada pertimbangan *ulil amri* berdasarkan kepada ijtihadnya selaras dengan pandangan majoriti ulama, termasuk mazhab Syafie, mazhab Maliki, mazhab Hanafi dan satu riwayat mazhab Hanbali.

Justeru, berasaskan kepada kaedah fiqhiyyah iaitu **(الضرر يزال)** yang bermaksud Menghilangkan kemudaratan, lima prinsip *Maqasid Syar'iyah* iaitu menjaga agama, nyawa, harta, keturunan dan akal serta berasaskan kepada *Siyasah Syari'yyah* dalam menjaga kemaslahatan keluarga dan pihak-pihak yang terlibat serta bersesuaian dengan '*uruf dan waqi*', Muzakarah memutuskan bahawa keadaan *mafqud* dalam tragedi ini tidak memerlukan kadar tempoh tertentu kerana usaha-usaha pencarian yang telah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh walaupun dalam keadaan lautan yang amat mencabar serta qarinah-qarinah yang boleh diambilkira sebelum dan selepas pengumuman Kerajaan bahawa pesawat MH370 berakhir di tengah-tengah Lautan Hindi, telah melalui tempoh munasabah bagi *mafqud* yang boleh diputuskan oleh *Ulil Amri*.

Seterusnya, S.S Datuk Dr. Zulkifli bin Mohdamad Al-Bakri pada mulanya ada mengeluarkan satu pemberitahuan hukum iaitu selagimana belum ada suatu kepastian dan bukti yang jelas tentang kematian tersebut maka, solat jenazah ghaib, tahlil, pembahagian pusaka dan sebagainya tidak boleh dilakukan lagi kerana akan memberi kesan yang besar kepada keluarga mangsa. Walaubagaimanapun, S.S Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri mengulas berkenaan dengan tempoh *mafqud*, yang mana seperti pendapat yang pelbagai di kalangan ulama menunjukkan ia adalah masalah ijtihadiah semata-mata untuk menemukan sebuah keyakinan. Justeru, tatkala badan berautoriti (DCA) sendiri telah membuat kenyataan secara rasminya pada 29 Januari 2015, maka sifat sebagai hakim atau kerajaan adalah boleh diambil kira dan diterima pakai. Begitu juga dengan pandangan dan pendapat pakar berkaitan penerbangan sewajarnya menjadi rujukan dalam isu ini kerana mereka dianggap ahli *khibrah* yang menjadi rujukan para ulama' di sepanjang zaman dalam menentukan satu-satu hukum.

Tambahan pula, jumlah masa yang diambil untuk pengumuman adalah 327 hari dan masih berjalan pencariannya dengan membabitkan banyak negara. Usaha dengan membabitkan 160 aset iaitu 65 pesawat dan 95 kapal bersama pakar dari 25 buah negara menyertai operasi dan menyelamatkan. Dalam tempoh tersebut sudah mencapai hampir sebelas bulan dan menuju ke setahun sedangkan mengikut satu pendapat dalam undang-undang keluarga Jordan yang menggabungkan Mazhab Maliki dan Hanbali dalam perkara 177 antara lain menyebut: "*Adapun jika hilang pada suatu arah yang tidak diketahui dan tidak diyakini akan kebinasaannya maka penentuan tempoh untuk memutuskan kematiannya diserahkan kepada Qadhi dengan mengambil kira tempoh tersebut mestilah cukup untuk meyakini kematiannya.*"

Akhirnya keputusan Hakim atau kerajaan dianggap sebagai penyelesaian dan mengangkat sebarang khilaf yang berlaku seperti dalam kaedah yang masyhur.⁸⁹

حكم الحاكم يرفع الخلاف

Maksudnya: “Keputusan hakim (pemerintah) mengangkat khilaf”

Seterusnya, S.S Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri berpendapat bahawa dengan adanya pengumuman rasmi, makanya natijah yang boleh diambil ialah:

- i. Penumpang MH370 telah meninggal dunia.
- ii. Wajar melakukan solat jenazah ghaib dengan mengambil kira sebahagian daripada pendapat ulama. Termasuk juga tahlil dan berdoa untuk mangsa MH370 yang beragama Islam yang terkorban.
- iii. Hak pewarisan berjalan mengikut keputusan Mahkamah Syariah.
- iv. Tempoh iddah bolehlah dikira dan penentuan berdasarkan keputusan Mahkamah Syariah.
- v. Anak-anak mereka dianggap sebagai yatim jika belum akil baligh.
- vi. Selepas mengambil kira pelbagai aspek dan pencarian dalam tempoh yang lama dengan pelbagai usaha dan daya serta gembeng pelbagai kepakaran makanya keputusan kerajaan memberi maksud bahawa mereka adalah telah terkorban. Natijahnya akan meringankan penderitaan dan menyelesaikan kemelut yang tertanggung dalam melayari kehidupan yang mendatang terhadap keluarga mangsa dan waris mereka.

Analisis Pemakaian Kaedah Fekah

Kaedah (الضرر يزال) bermaksud ‘Menghilangkan kemudaratan’ merupakan salah satu daripada lima kaedah ‘*ammah* yang utama dan disepakati oleh para ulama. Kaedah ini telah digunakan dalam menetapkan fatwa berkenaan keadaan *mafqud* penumpang MH370 yang tidak dapat dikesan. Antara tujuan penetapan hukum menggunakan kaedah ini adalah untuk memelihara lima prinsip Maqasid Syari’iyah iaitu menjaga agama, nyawa, harta, keturunan dan akal serta melihat kepada kemaslahatan keluarga yang terlibat dengan melihat kesesuaiannya dengan keadaan dan ‘urf pada masa kini. Oleh itu, keputusan fatwa ialah keadaan *mafqud* dalam tragedi ini tidak memerlukan kadar tempoh tertentu kerana usaha pencarian telahpun dibuat oleh kerajaan dengan bersungguh-sungguh sebelum dan selepas kerajaan mengumumkan bahawa MH370 telah berakhir di tengah lautan Hindi.

Di dalam hal ini, penulis berpendapat bahawa penggunaan kaedah ‘*menghilangkan kemudaratan*’ adalah untuk mengelakkan kemudaratan yang akan menimpa terhadap ahli keluarga dan semua pihak yang terlibat di dalam tragedi ini jika dibiarkan terlalu lama. Contohnya, pembayaran pampasan, insurans dan sebagainya yang berhubung dengan kehidupan ahli-ahli keluarga yang terlibat. Selain itu, ianya juga dapat mengelakkan kemudaratan lain yang akan menimpa dikemudian hari seperti hak-hak isteri, anak-anak dan ibu bapa yang ditinggalkan seperti pusaka, tempoh iddah dan sebagainya, malah penetapan hukum ini akan memudahkan pihak mahkamah dalam membuat keputusan terhadap tuntutan-tuntutan tersebut.

⁸⁹ Laman Web Rasmi, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan : Bayan Linas, http://www.muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=204, diakses pada 24 Mei 2015.

Selain daripada itu, penggunaan kaedah *حكم الحاكم يرفع الخلاف* iaitu salah satu daripada kaedah pecahan (*juz'iyah*) dalam penetapan hukum *mafqud* ini juga adalah sangat bertepatan kerana persoalan *mafqud* yang timbul ini merupakan satu persoalan ijtihad semata-mata. Bahkan, tujuan kaedah ini sendiri adalah untuk mengelak daripada terus berlakunya khilaf dan keputusan yang dibuat oleh pemerintah atau hakim itu sendiri adalah tidak boleh dibangkang.⁹⁰

Dengan pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan bahawa MH370 telah berakhir di lautan Hindi dan tiada penumpang atau anak kapal yang terselamat adalah muktamad dan tidak boleh dibantah kerana keputusan tersebut sendiri dibuat setelah melihat kepada *qarinah-qarinah* dan usaha pencarian yang telah lama dibuat dengan menggunakan pelbagai peralatan berteknologi tinggi dan dibantu oleh negara-negara besar dunia. Pada pendapat penulis, dengan keputusan ini juga dapat mengelakkan daripada pelbagai fitnah dan spekulasi-spekulasi terus dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab berhubung dengan kehilangan MH370 yang seterusnya akan mengelakkan berlakunya kemudaratan yang lebih besar seperti fitnah terhadap penumpang, anak kapal, bahkan kepada negara dan agama Islam sendiri khususnya.

Kesimpulan

Kaedah fiqh merupakan suatu ilmu yang dapat memudahkan para mujtahid dan penyelidik dalam mengeluarkan satu hukum fatwa. Penggunaan kaedah fiqh adalah sangat luas di dalam pelbagai bidang yang memerlukan suatu hukum atau keputusan syarak diputuskan ini termasuklah dalam bidang perundangan, muamalat, sosial dan sebagainya. Namun, dapat dikatakan disini bahawa penggunaan kaedah fiqh sepatutnya digunapakai secara meluas di dalam bidang fatwa kerana pengeluaran suatu hukum fatwa adalah tidak cenderung kepada satu bidang sahaja bahkan semua bidang dalam masyarakat. Walaubagaimanapun, kajian mendapati penggunaan kaedah ini tidak dimaksimumkan sepenuhnya apabila terdapat masalah-masalah hukum yang diperbincangkan dan selaraskan dengan prinsip beberapa kaedah fiqhiiyah tetapi tidak dimasukkan dan digunakan sepenuhnya oleh pihak yang berautoriti.

Rujukan

- `Imad al-Din bin al-Fida' Isma`il bin Kathir al-Qurashi al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur'an al-`Azim*. Al-Madinah: Maktabah al-`Ulum wa al-Hikam, 1993.
- `Iyad bin Nami Sulmi, *Usul al-Fiqh al-Ladhi la Yasa' al-Faqih Jahluhu*. Al-Riyad: Dar al-Tadmuriyah, 2012.
- "tanpa penulis", *al-Faraid al-Ariyyah li al-Tullab `Arabi-Ingelisi*. Bayrut: Dar al-Mushriq, 1986.
- Abdurrahman Haqqi et al., *Kamus Fikir*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr Sdn. Bhd., 2003.
- Muhammad Amin al-Shahir bin Abidin, *Hashiyah Rad al-Mukhtar*. Bayrut: Dar al-Fikr, 1992.
- Abu `Abd Allah Muhammad bin Muhammad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. t.p.: Dar al-Kitab al-`Arabi, t.t.
- Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhari, *Tahdhib al-Lughah*. t.p.: al-Dar al-Misriyyah li al-Ta'lif wa al-Tarjamah, t.t.

⁹⁰ Abdul latif Muda, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*, 370.

- Ahmad Hidayat Buang dan Zulzaidi Mahmod, "Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia," *Jurnal Syariah* 20, no. 3 (2012).
- Badr al-Din Muhammad bin Bahadur bin `Abd Allah li Zarkashi, *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Al-Kuwayt: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 1992.
- Bahagian Hab Halal, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga) (MPPHM 2014)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Bahagian Hab Halal, 2014.
- Department Of Statistics Malaysia, "Population Distribution and Basic Demographic Characteristic Report 2010 (Updated: 05/08/2011)," laman sesawang *Department Of Statistics Malaysia, Official Portal*, dicapai 24 Ogos 2015, https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWTK1SjFzTzNkRXZzcVZjdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWdzQ4TlhUUT09.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Ensiklopedia Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, 13.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Ed. E. Elias dan Elias A. Elias, *al-Qamus al-`Asri `Arabi – Ingelisi*, ed. ke- 8. Cairo: Elias' Modern Press, 1925.
- H. Anthony Salmon, *al-Qamus al-`Ali li al-Muta'allim*. Lubnan: Bayrut, 1972.
- Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan, ed. ke-3. Lubnan: Maktabah Lubnan, 1980.
- Ibrahim Anis et al., *al-Mu'jam al-Wasit*, ed. ke-2. t.p.: t.t.p., t.t.
- Ilya Nur Ab Rahman et al., "Polisi Pensijilan Halal bagi Industri Restoran di Malaysia," dalam *Pengurusan Produk Halal di Malaysia*, ed. Suhaimi Ab. Rahman dan Jafri Abdullah. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Department of Standard Malaysia, *Barangan Gunaan Islam-Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan-Garis Panduan Umum (MS 2200-2: 2012)*. Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2012.
- Department of Standard Malaysia, *MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan dan Penyimpanan- Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)*. Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009.
- Department of Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1:2008 Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri- Garis Panduan Umum*. Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2008.
- Department of Standard Malaysia, *MS 2424:2010: Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum*. Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010.
- Department of Standard Malaysia, *Prinsip Islam dan Halal-Definisi dan Penjelasan Istilah (MS 2393: 2010)*. Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010.

- Department of Standard Malaysia, Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives (MS 1900:2005). Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2005.
- Department of Standard Malaysia, *Series on Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline (MS 2400:2010)*. Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010.
- Department of Standard Malaysia, Value-based management system – Requirements from an Islamic perspective (MS 2300: 2009). Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009.
- Jafri Abdullah et al., “Kawalan Pengimportan Produk Malaysia Berasaskan Haiwan di Malaysia,” dalam *Pemakanan Yang Sihat Menurut Perspektif Islam*, ed. Norkumala Awang (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2011).
- Lokman Abd. Rahman, *Isu Halal Tiada Penghujung*. Melaka: Alambaca Sdn. Bhd, 2009.
- Mahanum Ab Aziz dan Zuraidah Mohamed, “Malaysia Pusat Rujukan Halal,” laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 10 April 2014, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Malaysiapusatrujukanhalal/Article/>.
- Maktabah al-Sharqiyyah, *al-Munjid fi al-Lughah wa al-I’lam*. Bayrut: Lubnan, 1986.
- Mohamad Nasran Mohamad dan Norhalina Othman, “Audit Pengesahan Halal: Kajian Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,” *Jurnal Penyelidikan Islam* 22 (2009).
- Muhammad Abu al-Nur Zuhayr, *Usul al-Fiqh*. al-Qaherah: Dar al-Tiba’ah al-Muhammadiyah, t.t.
- Muhammad al-Khadari Bik, *Usul al-Fiqh*. Bayrut: Dar al-Qalam, 1987.
- Muhammad bin Abi Bakr bin ‘Abd al-Qadir al-Razi, *Mukhtar al-Sihah*. Bayrut: Maktabah Lubnan Nasyirun, 1995.
- Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014.
- Noor Eshah Tom A. Wahab, “Konsep Halal dalam Pemakanan dari Perspektif Agama dan Keperluan Masyarakat” (makalah, Manusia dan Masyarakat, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Keseniaan dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).
- Norazilawati Md Dahlal, *Pengurusan Kualiti Makanan Halal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Norkumala Awang, “Pandangan Hidup Islam dan Budaya Pemakanan Masa Kini,” dalam *Pemakanan yang Sihat Menurut Perspektif Islam*, ed. Norkumala Awang (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2011).
- Portal Halal Rasmi Malaysia, “Misi, Visi dan Objektif,” laman sesawang *Portal Halal Rasmi Malaysia*, dicapai pada 29 Mei 2014, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/korporat/misi-visi-dan-objektif>.
- Portal Halal Rasmi Malaysia, “Penjenamaan Semula Sistem E-Halal,” laman sesawang *Portal Halal Rasmi Malaysia*, dicapai pada 29 Mei 2014, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/media/pengumuman/327-penjenamaan-semula-sistem-e-halal>.
- Portal Halal Rasmi Malaysia, “Piawaiian Malaysia,” laman sesawang *Portal Halal Rasmi Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/garis-panduan/standard-malaysia>.

Portal Halal Rasmi Malaysia, "Sejarah Halal," laman sesawang Portal Halal Rasmi Malaysia, dicapai pada 29 Mei 2014, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/korporat/sejarah-halal>.

Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, ed. ke-3. Dimashq: Dar al-Fikr, 1989.

Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. ed. ke-2. Al-Kuwayt: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1990.